

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2011

PENENTUAN PEGAWAI PENGAWAL BAGI TANAH  
WAKAF DAN BAI-TUL-MAL

---

Arahan ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah tentang perlantikan Pegawai Pengawal bagi mana-mana tanah yang tertakluk di bawah Seksyen 61 dan Seksyen 62 Enakmen MAIK Bil. 4/1994.

Walau apa pun maksud Seksyen 62 (2)(c) Akta Kanun Tanah Negara 1965 yang telah dipinda melalui Pindaan Akta A 1333 berkuasa pada 1 Januari 2009 adalah tidak melibatkan tanah-tanah yang tertakluk di bawah Seksyen 61 dan Seksyen 62 Enakmen Bil. 4/1994 tersebut di atas.

Ini adalah bersandarkan maksud Seksyen 4(2)(e) Akta Kanun Tanah Negara 1965 yang memberi pengecualian kepada mana-mana undang terdahulu buat masa itu berkuatkuasa berhubung dengan wakaf atau bait-ul-mal. Dalam konteks ini undang terdahulu yang dimaksudkan bagi tanah wakaf dan bai-tul-mal ialah Enakmen MAIK 1994.

Oleh itu semua Pentadbir Tanah diingatkan supaya menamakan MAIK sebagai Pegawai Pengawal bagi tanah wakaf dan bai-tul-mal selaras dengan pemakai Seksyen 61 dan Seksyen 62 Enakmen MAIK Bil. 4/1994 serta Seksyen 4(2)(e) Kanun Tanah Negara 1965.

Sehubungan itu, mana-mana tanah wakaf dan bai-tul-mal yang telah dinamakan pegawai lain selain dari MAIK sebagai Pegawai Pengawal hendaklah diambil tindakan pembetulan dengan menggantikan Pegawai Pengawal berkenaan kepada MAIK sebagai Pegawai Pengawal.



**(HJ. WAN MUSTAPHA B. WAN AB. HAMID)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri
3. YM Yang DiPertua MAIK

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.

FAIL : PTG.KN.3269 JLD.3 (19)

BERTARIKH : 14HB. SEPTEMBER, 2011